

17 OCT 1998

MASIH ADA PEMIMPIN BERWIBAWA DALAM UMNO: KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 17 Okt (Bernama) -- Umno masih mempunyai barisan pemimpin yang berwibawa yang diyakini rakyat boleh meneruskan perjuangan, kata Naib Presidennya, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Katanya, Umno akan menghadapi pilihan raya umum akan datang dengan kekuatan yang ada dan dengan kewibawaan kepimpinan parti itu akan terus mendapat sokongan.

Bercakap pada sidang berita selepas majlis penerangan Umno Bahagian Tanjung di sini, beliau berkata, Umno mempunyai rekod kecemerlangan yang banyak dan telah banyak menabur jasa serta masih berwibawa.

Semalam, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) akan terus membentuk kerajaan walaupun majoriti besar yang dinikmati sekarang mungkin tidak berulang.

Abdullah yang juga Menteri Luar meminta semua anggota parti itu supaya berdisiplin dan bertindak selari dengan kehendak parti.

"Kalau kita sering mempertikai (kepada arahan dan pendirian parti), disiplin parti akan terjejas. Kekuatan parti bergantung kepada kepatuhan terhadap disiplin dan perlembagaan parti," katanya.

--BERNAMA

AHM oba